



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

DASAR
MEMARTABATKAN
BAHASA MALAYSIA
MEMPERKUKUH
BAHASA INGGERIS
[MBMMBI]



BUKU PENERANGAN



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

DASAR
MEMARTABATKAN
BAHASA MALAYSIA
MEMPERKUKUH
BAHASA INGGERIS
(MBMMBI)

BUKU PENERANGAN

Penerbit



Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 - 8884 6000
Web: <http://www.moe.gov.my>

© Hak cipta @ 2014
Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-9522-34-1


Cetakan Pertama: Disember 2014

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin terlebih dahulu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

**DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA
MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)
Buku Penerangan**

Muka taip teks: Frutiger
Saiz taip teks: 10 pt

Konsep & Reka Bentuk
ARIO PRESS



KANDUNGAN

Kata Alu-aluan	v
Pengenalan dan Definisi	1
Matlamat dan Objektif	3
Strategi Pelaksanaan	4
Strategi 1 : Mentransformasikan Kurikulum Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	6 - 11
Strategi 2 : Memantapkan Kompetensi Guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	12 - 15
Strategi 3 : Menempatkan Guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Mengikut Opsyen	16 - 17
Strategi 4 : Menggunakan Khidmat Pakar, Perunding dan Pembantu Guru	18 - 22
Strategi 5 : Memperluas Penggunaan Bahan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	24 - 25
Strategi 6 : Memperluas Publisiti dan Kempen Pengukuhan Bahasa	26 - 27
Strategi 7 : Meningkatkan Penyertaan Murid dalam Aktiviti Bahasa di Luar Bilik Darjah	28 - 31
Strategi 8 : Melaksanakan Pentaksiran dan Pelaporan Keperihalan Pencapaian Murid	32 - 33
Penutup	34
Lampiran : Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.12 Tahun 2011 Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.5 Tahun 2011: Garis Panduan Pelaksanaan Dasar MBMMBI	36 - 51
Senarai Singkatan	52 - 53

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Sistem pendidikan negara sedang mengalami gelombang perubahan yang memberi impak kepada pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menggariskan strategi dan inisiatif bagi pengupayaan peningkatan kualiti sistem pendidikan kebangsaan. Semua pihak yang memberi sumbangan kepada proses perubahan tersebut perlu memainkan peranan aktif agar matlamat yang ditetapkan dapat direalisasikan.

Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bermatlamat untuk melahirkan murid yang dapat menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin. Aspek penguasaan bahasa menjadi tumpuan penting dalam proses perubahan sistem pendidikan negara kerana pembentukan murid yang fasih dan yakin berbahasa mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka serta memaksimumkan peluang kerjaya dalam pasaran kerja dunia.

Sejajar dengan hasrat menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan. Antara inisiatif tersebut adalah dengan meningkatkan kapasiti guru serta kecekapan guru mengendalikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di dalam bilik darjah. Selain itu program peningkatan profesionalisme guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang melibatkan hubungan kolaboratif dengan agensi luar pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga dilaksanakan. Penyediaan bahan sokongan PdP dan menaik taraf prasarana sedia ada seperti makmal komputer untuk berfungsi sebagai makmal bahasa juga dilaksanakan. Inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan ini diyakini berupaya memberi impak yang positif ke arah kemenjadian murid dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Kejayaan pelaksanaan Dasar MBMMBI menuntut komitmen tinggi dan kerjasama yang padu daripada semua pihak.

Dengan ini diharapkan buku penerangan ini dapat memberi maklumat dan penerangan berkaitan pelaksanaan dan pencapaian Dasar MBMMBI sejak diperkenalkan pada tahun 2011.

Dato' Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

DASAR MBMMBI



PENGENALAN

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah, iaitu Tahun 1 hingga Tingkatan 5, dan digantikan dengan Dasar MBMMBI. Jemaah Menteri juga memutuskan bahawa Dasar MBMMBI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Matlamat melahirkan masyarakat yang berupaya menguasai bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dengan baik adalah antara fokus baharu dalam sistem pendidikan negara. Seperti digariskan dalam PPPM 2013-2025, penguasaan BM dan BI yang mantap serta kecekapan menguasai pelbagai bahasa adalah penting memandangkan persaingan global yang pesat. Selaras dengan pelaksanaan PPPM 2013-2025, Dasar MBMMBI memfokuskan usaha memartabatkan BM dan memperkukuh BI bagi melahirkan masyarakat yang mampu berkomunikasi dengan berkesan, bersatupadu serta dapat menjana daya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

DEFINISI

Memartabatkan BM bermaksud meletakkan BM pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. BM merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996.

Tujuan utama memperkukuh BI adalah untuk membolehkan penerokaan pelbagai ilmu dan meningkatkan persaingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, BI juga merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai dengan baik dan berkesan.


Dasar MBMMBI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010 menggantikan PPSMI. Dalam proses peralihan ini, sekolah boleh menggunakan BI dan/atau bahasa pengantar masing-masing dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik (rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12 tahun 2011 — Lampiran 1). Proses ini bertujuan membantu guru dan murid untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan.


Berdasarkan ketetapan tersebut, terdapat tiga alternatif bagi PdP Sains dan Matematik di sekolah:

- (i) PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia, bahasa Cina atau bahasa Tamil (mengikut jenis sekolah),
- (ii) PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, dan
- (iii) PdP Sains dan Matematik dalam dwibahasa


Mulai tahun 2011, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula dengan murid Tahun 1 iaitu PdP mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan BM di Sekolah Kebangsaan (SK) dan penggunaan bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

Perincian mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di bawah Dasar MBMMBI adalah seperti yang berikut:



 PdP Sains dan Matematik dalam BM (Bagi SJKC menggunakan bahasa Cina, bagi SJKT menggunakan bahasa Tamil)

 PdP Sains dan Matematik dilaksanakan dalam BI

 PdP Sains dan Matematik dilaksanakan dalam dwibahasa

Thn : Tahun Tg : Tingkatan

(SPI Bil.12 Tahun 2011 bertarikh 4 November 2011)

MATLAMAT

Matlamat Dasar MBMMBI adalah untuk mewujudkan masyarakat yang menguasai BM dan BI dalam sistem pendidikan negara. Fokus kepada BM dan BI bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan mewujudkan bangsa Malaysia yang berdaya saing di peringkat dunia. Matlamat ini selaras dengan pelaksanaan Dasar MBMMBI untuk melahirkan murid yang fasih dan yakin menggunakan BM dan BI.

OBJEKTIF

Objektif Dasar MBMMBI adalah untuk:

- ◆ meningkatkan penguasaan murid dalam BM dan BI;
- ◆ menyediakan guru BM dan BI mengikut opsyen yang mencukupi dan meningkatkan kompetensi guru BM dan BI;
- ◆ meningkatkan infrastruktur dan bahan sokongan dalam PdP BM dan BI; dan
- ◆ meningkatkan penggunaan BM dan BI dalam aktiviti luar bilik darjah.

(Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020, 2012)



STRATEGI PELAKSANAAN

STRATEGI

Bagi memastikan sistem pendidikan negara yang berkualiti dapat dikecapi oleh semua warga Malaysia, satu pelan yang mantap telah disediakan. Dengan terhasilnya PPPM 2013 – 2025 yang telah dilancarkan pada tahun 2012 maka, sistem pendidikan yang berkualiti untuk melahirkan modal insan mengikut acuan kita sendiri dapat direalisasikan. Pelan ini menentukan hala tuju pelaksanaan Dasar MBMMBI. Beberapa inisiatif dan aktiviti dikenal pasti bagi mencapai matlamat Dasar MBMMBI.

Sebanyak tiga belas inisiatif di bawah Dasar MBMMBI yang berpandukan Rancangan Malaysia Ke-10 telah digariskan. Bagi melaksanakan kesemua inisiatif tersebut, lapan strategi utama dikemukakan sebagai Pelan Tindakan Utama inisiatif MBMMBI. Berikut ialah rumusan ringkas lapan strategi berkenaan:



STRATEGI 1

MENTRANSFORMASIKAN KURIKULUM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

STRATEGI 1

MENTRANSFORMASIKAN KURIKULUM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

Mulai tahun 2011, KSSR dilaksanakan di Tahun 1 secara berperingkat-peringkat. Menjelang tahun 2016, KSSR akan dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah rendah manakala, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan mula dilaksanakan untuk murid Tingkatan 1 pada tahun 2017. KSSR yang dikaji semula juga akan dilaksanakan pada tahun 2017 (PPPM, 2012). Di bawah pelaksanaan Dasar MBMMBI, kurikulum BM dan BI sekolah rendah dan menengah turut digubal dengan mengetengahkan pendekatan modular yang memberi penekanan kepada kemahiran berbahasa melalui kaedah gabung jalin. Selain itu, asas bahasa yang kukuh merupakan elemen terpenting untuk pembelajaran yang berkesan.

Dalam mentransformasikan kurikulum BM dan BI, beberapa inisiatif di bawah Dasar MBMMBI telah dirancang dan sedang dijalankan:

1. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Keterangan

Penekanan kepada pendekatan modular bagi menguasai asas bahasa dan kemahiran bahasa mengikut konsep didik hibur.

Pengenalan kepada elemen seni bahasa untuk memperkaya pembelajaran bahasa.

Pengajaran tatabahasa secara berfokus (mulai Tahun 3 untuk BI) supaya murid dapat menggunakan sistem bahasa yang betul.

Penetapan model *Standard British English* sebagai panduan untuk pengajaran sebutan, penulisan dan tatabahasa.

Pelaksanaan

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berfokus kepada sesuatu kemahiran berbahasa dan menggabung jalin kemahiran bahasa yang lain.

Mewujudkan suasana PdP yang lebih menyeronokkan melalui pelbagai aktiviti seperti nyanyian, lakonan, berpantun dan bercerita bagi meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran bahasa.

Pelaksanaan | Pelibatan murid secara aktif dalam pembelajaran tatabahasa melalui kaedah deduktif, induktif dan komunikatif.

Penggunaan bahasa yang standard dalam PdP.

Pencapaian | Penambahan peruntukan waktu untuk BM di SJK (daripada 180 minit seminggu kepada 240 minit seminggu) dan BI di SK (Tahap 1 – daripada 240 minit seminggu kepada 300; Tahap 2 – daripada 210 minit seminggu kepada 300 minit seminggu) dan SJK (Tahap 1 – daripada 60 minit seminggu kepada 150 minit seminggu. Tahap 2 – daripada 90 minit seminggu kepada 180 minit seminggu)

Melalui pendekatan modular, PdP guru lebih berfokus kepada kemahiran bahasa yang diajar.

Elemen didik hibur dalam PdP menarik minat murid untuk belajar dengan lebih berkesan.

2. Program LINUS2.0 Literasi BM, Numerasi dan Literasi BI

Keterangan | Menguasai literasi asas dalam kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis BM dan BI.

Pelaksanaan | Membimbing murid LINUS menguasai kemahiran asas membaca dan menulis melalui pelbagai cara pembelajaran seperti visual, auditori dan kinestetik.

Melaksanakan kursus pendedahan penggunaan modul dan kursus pemulihan untuk FasiLINUS, guru BM dan BI.

Mengendalikan saringan LINUS BM dan BI sebanyak dua kali setahun untuk semua murid Tahap 1.

Menggunakan Modul Literasi Bahasa Malaysia (LBM) dan Modul Literasi Bahasa Inggeris (LBI) dalam PdP BM dan BI.

Mengadakan perbincangan dengan FasiLINUS untuk menambah baik pelaksanaan program.

Mengumpul data bagi mengenal pasti murid literasi BM dan literasi BI.

Pencapaian

	Tahun	Saringan 1, 2013		Saringan 2, 2013		Saringan 1, 2014	
		Sasaran	Capai	Sasaran	Capai	Sasaran	Capai
Literasi Bahasa Malaysia	Tahun 1	87%	63.7%	90%	81.3%	90%	64.5%
	Tahun 2	92%	86.7%	95%	93.2%	95%	85.8%
	Tahun 3	98%	95.6%	100%	99.1%	100%	94.4%
Literasi Bahasa Inggeris	Tahun 1	Baseline	50.1%	67%	63.3%	59%	53.8%
	Tahun 2 (2014)	TB	TB	TB	TB	75%	65.4%
	Tahun 3 (2015)	TB	TB	TB	TB	100%	TB

TB – Tidak Berkeajaan

3. Sistem Set

Keterangan

Melibatkan murid Tingkatan 1 di semua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Sekolah yang mempunyai sumber yang mencukupi digalakkan melaksanakan Sistem Set di Tingkatan 2 atau selanjutnya.

Melaksanakan PdP berfokus berdasarkan tahap kecekapan berbahasa Inggeris murid.

Mengagihkan murid semasa waktu BI untuk mengikuti PdP di dalam set (kelas yang terdiri daripada murid yang sama tahap kecekapan berbahasa Inggeris) berdasarkan markah ujian diagnostik.

Pelaksanaan

Melaksanakan ujian diagnostik pada awal tahun persekolahan untuk menentukan tahap kecekapan berbahasa Inggeris murid.

Mengagihkan murid ke dalam set berdasarkan markah ujian diagnostik.

Merancang dan melaksanakan PdP berfokus berdasarkan tahap kecekapan berbahasa Inggeris murid.



Pencapaian	<p>Pelaksanaan PdP berfokus meningkatkan keyakinan murid untuk berkomunikasi dalam BI semasa melaksanakan aktiviti.</p> <p>Perancangan dan pelaksanaan PdP yang lebih berkesan.</p>
-------------------	---

4. Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran BM dan BI Sekolah Menengah

Keterangan	Penguasaan berbahasa melalui penghayatan sastera.
-------------------	---

Pelaksanaan	<p>PdP bahasa melalui pelbagai genre sastera seperti puisi, drama, cerpen dan novel.</p> <p>Menimbulkan minat murid untuk mempelajari KOMSAS melalui pelbagai aktiviti PdP yang menarik dan berpusatkan murid.</p> <p>Menghasilkan karya kreatif seperti puisi, pantun, cerpen dan drama.</p>
--------------------	---

Pencapaian	<p>Penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan di dalam dan di luar bilik darjah meningkat.</p> <p>Keyakinan murid bagi mengutarakan idea dan hujah yang bernas.</p>
-------------------	---

5. *Oral Proficiency in English for Secondary Schools (OPS-ENGLISH)*

Keterangan	Program OPS-English merupakan satu inisiatif PPPM dalam Gelombang Satu (2013 – 2015) yang bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi BI dalam kalangan murid Tingkatan 1 dan 2.
-------------------	---

Pelaksanaan	<p>Program OPS-English dilaksanakan sepanjang Semester 1 tahun persekolahan.</p> <p>Program intervensi ini diperluas secara berperingkat-peringkat kepada sekolah <i>band</i> 3 hingga 6.</p> <p>Dalam pelaksanaan OPS-English, guru dilatih di dalam bilik darjah.</p> <p>Pemantauan dan sokongan diberikan sepanjang pelaksanaan program.</p>
--------------------	---

Pencapaian

Sasaran pencapaian adalah untuk meningkatkan bilangan murid Tingkatan 1 dan 2 (sekolah *band* 3 – 6) yang mencapai sekurang-kurangnya *band* 3 dalam penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur (merujuk Dokumen Standard Prestasi BI Tingkatan 1 dan 2).



STRATEGI 2

MEMANTAPKAN KOMPETENSI GURU BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

STRATEGI 2

MEMANTAPKAN KOMPETENSI GURU BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS

Dasar MBMMBI memberi fokus kepada kualiti guru BM dan BI dalam aspek pedagogi, kecekapan berbahasa dan profesionalisme. Program peningkatan kapasiti guru dilaksanakan melalui strategi memantapkan latihan perguruan pada peringkat praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan, memantapkan profesionalisme guru BM dan BI dan memartabatkan Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai Pusat Kecemerlangan Bahasa Malaysia (PKBM) dan Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris (PKBI).

KPM telah merancang pelbagai program latihan di bawah Dasar MBMMBI. Antara program yang dilaksanakan ialah:

1. Latihan Guru Praperkhidmatan (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

Keterangan	Melahirkan guru pelatih yang kompeten dan yakin. Membina dan memperkukuh kecekapan berbahasa Malaysia dan berbahasa Inggeris guru praperkhidmatan.
Pelaksanaan	Kursus Jangka Pendek anjuran IPGM/IPGK. Pertandingan aktiviti kebahasaan.
Pencapaian	Peningkatan dalam kemahiran dan pedagogi guru praperkhidmatan BM dan BI. Pemantapan kompetensi guru praperkhidmatan BM dan BI.

2. Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

Keterangan	Meningkatkan profesionalisme pensyarah BM dan BI.
Pelaksanaan	Kursus Kejurulatihan anjuran IPGM/IPGK. Kursus Jangka Pendek anjuran IPGM/IPGK.

3. Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP)

Keterangan	<p>Memantapkan latihan guru BM dan BI di peringkat praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan.</p> <p>Memantapkan kecekapan berbahasa Inggeris guru BI.</p> <p>Memantapkan kecekapan berbahasa Malaysia guru BM dan kecekapan berbahasa Inggeris guru BI di SM Teknik, SM Vokasional / Kolej Vokasional.</p> <p>Memantapkan kompetensi komunikasi BM dan BI kepada pemimpin pendidikan semasa pengurusan pendidikan.</p>
Pelaksanaan	<p>Kursus Profesionalisme Perguruan Guru BM anjuran BPG/IPGM/IPGK.</p> <p>Kursus Kolaboratif (guru BM) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).</p> <p>Kursus Pemantapan Pedagogi Guru Sains dan Matematik.</p> <p>Kursus Kolaboratif Guru Sains dan Matematik dengan Petrosains dan Pusat Sains Negara.</p> <p>Kursus Pemantapan Pedagogi Guru Opsyen BI.</p> <p>Kursus Pemantapan Kecekapan Berbahasa Inggeris Guru Bukan Opsyen BI.</p> <p>Kursus/Latihan Strategi dan Kaedah Pengajaran BM dan BI di Sekolah.</p> <p>Kursus Jangka Pendek BM dan BI untuk Pemimpin Pendidikan anjuran IAB.</p>

4. Latihan Guru Praperkhidmatan Institut Pendidikan Guru Malaysia di Pusat Kecemerlangan Bahasa Melayu (PKBM)

Keterangan	<p>Meningkatkan kualiti latihan guru praperkhidmatan.</p> <p>Memantapkan profesionalisme guru praperkhidmatan BM.</p>
Pelaksanaan	<p>Kursus Pemantapan Tatabahasa BM.</p> <p>Festival Pantun Bestari.</p> <p>Kursus Pemantapan Pedagogi Guru Sains dan Matematik.</p>

Pelaksanaan	Forum Piala Menteri Besar Peringkat Kebangsaan. Pertandingan pelbagai aktiviti pengucapan awam. Kursus Rakan Munsyi, Bengkel Penulisan Kreatif, Program Apresiasi Sastera Melayu dan Aktiviti Pelestarian Budaya Melayu. Seminar Pedagogi.
--------------------	---

5. Latihan Guru Praperkhidmatan Institut Pendidikan Guru Malaysia di Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris (PKBI)

Keterangan	Meningkatkan kualiti latihan guru praperkhidmatan BI. Memantapkan profesionalisme guru praperkhidmatan BI.
-------------------	---

Pelaksanaan	<i>E-learning and Strategies for Teaching Literature.</i> <i>ELT Exhibition Innovation and Performing of Arts in ELT.</i> <i>Creativity in Teaching and Learning and Public Speaking.</i> <i>Teaching of Children's Literature and ELT Seminar.</i>
--------------------	--

6. Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)

Keterangan	Memantapkan kecekapan berbahasa Inggeris guru sekolah rendah dan menengah. Memantapkan pedagogi guru sekolah rendah dan menengah dalam PdP BI. Hubungan Kolaboratif (<i>ELTC dengan British Council</i>).
-------------------	---

Pelaksanaan	Ujian prakefasihan BI Aptis. Latihan guru BI oleh pihak British Council. Ujian pascakefasihan BI Aptis.
--------------------	---

Pencapaian	KPI yang ditetapkan ialah 85% guru yang mengikuti program akan mencapai 1 band lebih tinggi daripada pencapaian sedia ada.
-------------------	--



STRATEGI 3

**MENEMPATKAN GURU
BAHASA MALAYSIA
DAN
BAHASA INGGERIS
MENGIKUT OPSYEN**

STRATEGI 3

MENEMPATKAN GURU BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS MENGIKUT OPSYEN

KPM melaksanakan program penempatan semula guru BM dan BI mengikut opsyen berdasarkan keperluan perjawatan di sekolah. Matlamat pelaksanaan program ini adalah untuk menempatkan guru mengikut opsyen supaya PdP BM dan BI dapat dijalankan dengan berkesan.

Penempatan Semula Guru BM dan BI Mengikut Opsyen

Keterangan	Menempatkan semula guru BM dan BI berdasarkan keperluan perjawatan di sekolah.
Pelaksanaan	<p>Dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan berterusan sehingga objektif Dasar MBMMBI, iaitu mata pelajaran BM dan BI mesti diajarkan oleh guru opsyen BM dan BI tercapai.</p> <p>Menyusun semula guru agar selari dengan keperluan sebenar perjawatan dan opsyen di sekolah.</p> <p>Mengerakkan guru opsyen BM dan BI yang berlebihan di sekolah ke sekolah yang memerlukan.</p> <p>Melibatkan penempatan dalam daerah, antara daerah dan antara negeri.</p>
Pencapaian	Pengisian guru BM dan BI yang mencukupi mengikut keperluan.

STRATEGI 4

**MENGGUNAKAN
KHIDMAT PAKAR,
PERUNDING
DAN
PEMBANTU GURU**

STRATEGI 4

MENGGUNAKAN KHIDMAT PAKAR, PERUNDING DAN PEMBANTU GURU

1. Program Penutur Jati

Penyediaan guru BM dan BI yang mencukupi, berkualiti dan berkemahiran tinggi merupakan strategi penting MBMMBI. Dalam hal ini, KPM turut melaksanakan perkongsian pintar dengan tenaga pakar dari luar negara. Bagi tujuan membina kapasiti guru BI, perkhidmatan penutur jati BI digunakan sebagai mentor di sekolah rendah di dalam enam (6) zon seluruh negara (2010-2013; 2013-2015). Sebanyak 1,800 sekolah rendah terlibat dalam program ini. Bagi tujuan peningkatan kapasiti pensyarah BI pula, penutur jati juga ditempatkan di lima Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris (PKBI) iaitu *English Language Teaching Centre* (ELTC), IPGK Bahasa Antarabangsa, IPGK Dato' Razali, IPGK Batu Lintang dan IPGK Gaya (2010-2013).

Kepakaran penutur jati membantu meningkatkan kemahiran pedagogi dan profisiensi guru BI serta dapat membangunkan kemahiran kumpulan tenaga pengajar yang boleh menjadi pakar rujuk. Penutur jati yang berkhidmat di PKBI bekerjasama dengan pensyarah BI bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi serta kompetensi pensyarah BI.



Program Penutur Jati

Keterangan	Perkongsian pintar dengan pakar dari luar negara. Berperanan sebagai mentor. Membina kapasiti guru BI. Meningkatkan kompetensi guru opsyen dan bukan opsyen. Melatih personel dalam kalangan guru yang boleh menjadi pakar rujuk.
Pelaksanaan	Setiap mentor ditempatkan di satu kelompok (5 buah sekolah yang berdekatan). Sasaran peserta ialah guru tahap satu di 1,800 buah sekolah terpilih.
Pencapaian	Penilaian Pencapaian KPI pada September 2013 mendapati penguasaan guru dalam BI meningkat dengan signifikan dalam kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis (berdasarkan <i>Common European Framework of Reference for Languages – CEFR</i>).

2. Program Fulbright English Teaching Assistant (ETA)

Program *Fulbright English Teaching Assistant* atau ringkasnya, ETA ialah satu program kolaboratif antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Amerika Syarikat dan bertujuan meningkatkan penguasaan dan penggunaan BI dalam kalangan murid.

Mulai tahun 2012 sehingga 2014, seramai 225 orang ETA telah ditempatkan di 100 sekolah menengah dan rendah khususnya sekolah yang berada di *Band 5, 6 dan 7* serta berprestasi rendah dalam mata pelajaran BI. ETA mengendalikan pelbagai aktiviti pembelajaran BI bagi meningkatkan minat murid untuk menguasai BI dengan lebih baik. Setiap ETA menghabiskan sekurang-kurangnya dua puluh jam seminggu berinteraksi dengan murid-murid semasa di dalam bilik darjah atau melalui aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan lagi peluang murid menggunakan BI dalam situasi yang autentik. Setiap ETA dibantu oleh

seorang guru mentor BI yang dikenal pasti di sekolah mereka ditempatkan. Sehingga tahun 2014, Program ETA dilaksanakan di enam (6) buah negeri, iaitu Terengganu, Johor, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak. Hasil daripada maklum balas yang memberangsangkan khususnya daripada murid-murid yang terlibat, program ini akan diteruskan sehingga tahun 2017.

Program Fulbright English Teaching Assistant (ETA)

Keterangan	<p>Program kolaboratif antara Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat.</p> <hr/> <p>Berperanan sebagai pembantu guru BI.</p> <hr/> <p>Melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri dalam kalangan murid.</p>
Pelaksanaan	<p>Penempatan di sekolah yang berada pada <i>Band</i> 5, 6 dan 7 dan merekod Gred Purata Mata Pelajaran BI yang rendah.</p> <hr/> <p>Setiap sekolah menerima seorang ETA yang dibantu oleh seorang guru BI yang berpengalaman sebagai guru mentor.</p>
Pencapaian	<p>ETA membantu guru BI meningkatkan penguasaan dan penggunaan BI dalam kalangan murid melalui aktiviti BI di dalam dan di luar bilik darjah. Ini memberi peluang untuk murid berkomunikasi dalam BI.</p>

3. Guru Kontrak Bahasa Inggeris

Prestasi murid dalam mata pelajaran BI masih berada pada tahap rendah khususnya di sekolah luar bandar dan sekolah pedalaman. Dalam usaha KPM mempertingkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran BI beberapa strategi telah dirancang. Antaranya adalah untuk melantik guru BI yang telah bersara sebagai Guru Kontrak BI secara *contract for service* (CFS) di sekolah rendah. Bidang tugas Guru Kontrak adalah untuk mengajarkan mata pelajaran BI dan membantu aktiviti pengukuhan berkaitan BI. Pelantikan Guru Kontrak BI bertujuan menampung keperluan guru BI di sekolah-sekolah yang dikenal pasti.



Guru Kontrak Bahasa Inggeris

Keterangan	<p>Menampung keperluan guru BI.</p> <p>Membantu aktiviti pengukuhan BI.</p> <p>Setiap negeri mempunyai kuota pelantikan guru kontrak BI.</p>
Pelaksanaan	<p>Guru BI yang telah bersara boleh memohon melalui JPN masing-masing dengan menggunakan borang permohonan yang telah disediakan.</p>
Pencapaian	<p>Mengisi kekosongan bagi bilangan guru BI sekolah rendah yang tidak mencukupi di pedalaman supaya PdP dapat dijalankan dengan berkesan.</p>



Bahasa Malaysia
Bahasa Inggeris



STRATEGI 5

**MEMPERLUAS
PENGUNAAN BAHAN
DAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI (TMK)
DALAM PDP BM DAN BI**

STRATEGI 5

MEMPERLUAS PENGGUNAAN BAHAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGERIS

KPM telah menyediakan buku teks sebagai bahan yang membantu proses pembelajaran murid. Selain buku teks, KPM turut mengambil inisiatif membekalkan bahan bacaan tambahan dan bahan digital bagi menyokong penggunaan buku teks. KPM memastikan murid-murid tidak hanya belajar menggunakan TMK tetapi juga dapat memanfaatkannya secara berkesan untuk meningkatkan pembelajaran mereka. Bahan digital dalam bentuk cakera padat dan perisian kandungan makmal berbentuk dalam talian juga disediakan bagi menjayakan Dasar MBMMBI ini selaras dengan objektif yang terdapat dalam PPPM 2013-2025. Guru dikehendaki menggunakan bahan dan kemudahan yang disediakan secara optimum bagi menarik minat murid untuk mengikuti PdP.

Penggunaan Bahan dan TMK

Keterangan	<p>Membekalkan buku teks, bahan bacaan tambahan dan bahan digital.</p> <p>Menaik taraf makmal komputer kepada makmal bahasa.</p> <p>Guru dikehendaki menggunakan bahan dan kemudahan yang disediakan secara optimum bagi menarik minat murid.</p>
Pelaksanaan	<p>Membekalkan buku teks, bahan bacaan tambahan dan bahan digital sebagai bahan sokongan kurikulum.</p>
Pencapaian	<p>Pemantauan dalam talian oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) mendapati 86.2% guru menyatakan bahawa penggunaan bahan digital MBMMBI memberikan impak positif dalam aktiviti PdP.</p>

STRATEGI 6

MEMPERLUAS PUBLISITI DAN KEMPEN PENGUKUHAN BAHASA

STRATEGI 6

MEMPERLUAS PUBLISITI DAN KEMPEN PENGUKUHAN BAHASA

Pelaksanaan pelan media yang teratur dan terancang melibatkan publisiti dan penyebaran maklumat secara meluas melalui saluran media yang sesuai dan tepat. Hal ini akan meningkatkan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak bagi menjayakan Dasar MBMMBI.

Publisiti dan Penyebaran Maklumat Dasar

Keterangan | Publisiti dan penyebaran maklumat dasar secara menyeluruh melalui saluran media yang terpilih.

Pelaksanaan |

- Media Cetak:
 - Advertorial;
 - Sidang media;
 - Kenyataan media; dan
 - Liputan khas media.
- Media Elektronik/Baharu:
 - Bual bicara;
 - Liputan Berita;
 - Liputan Khas;
 - TVC (Iklan);
 - Iklan Radio; dan
 - Microsite/facebook/twitter/blog/portal*.
- Media Lain:
 - Buku kecil (*Booklet*) MBMMBI;
 - Buku FAQ;
 - Buletin KPM;
 - Bus Wrap Up*;
 - Panel LRT;
 - Media *Out-of-Home*; dan
 - Program Bersemuka.

STRATEGI 7

**MENINGKATKAN
PENYERTAAN MURID
DALAM AKTIVITI
BAHASA DI LUAR
BILIK DARJAH**

STRATEGI 7

MENINGKATKAN PENYERTAAN MURID DALAM AKTIVITI BAHASA DI LUAR BILIK DARJAH

Penguasaan BM dan BI murid dari segi keyakinan, kefasihan, berfikiran tajam, kemahiran berhujah secara spontan, berkemahiran mengutarakan hujah-hujah yang bernas dan teratur, betul, tepat dan gramatis ditingkatkan melalui peningkatan minat dan penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan.

Enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk bersaing pada peringkat global sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah setiap murid berpengetahuan, berkemahiran berfikir, berkemahiran berkomunikasi dalam dwibahasa, beretika dan memiliki kerohanian yang tinggi, dan beridentiti nasional. Semua ciri ini perlu ada pada setiap murid sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Selain itu, murid berupaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan, berfikir secara kreatif dan inovatif serta mengamalkan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Program atau aktiviti kokurikulum akademik (koakademik) yang dilaksanakan pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan menggunakan BM dan BI. KPM berhasrat untuk menjanakan suatu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuh lagi asas perpaduan dalam kalangan murid.

1. Aktiviti Penggalakan Bahasa Malaysia

Keterangan | Penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan dapat membina keyakinan dan kefasihan murid dalam penggunaan BM serta meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan murid.

Pelaksanaan | Pelbagai aktiviti BM dijalankan di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Pertandingan peringkat kebangsaan turut diadakan. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti:

Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Bahas, pidato, syarahan; ◆ Forum, pantun, bicara berirama; ◆ Bercerita, puisi tradisional, sketsa bahasa; ◆ Pantomim, deklamasi puisi, monodrama/monolog; dan ◆ Teater, kuiz, sahiba.
--------------------	---

Pencapaian	Penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan meningkatkan penguasaan BM dan menggalakkan penggunaan BM dalam kalangan murid.
-------------------	--

2. Aktiviti Pengalakan Bahasa Inggeris

Keterangan	Penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan dapat membina keyakinan dan kefasihan murid dalam penggunaan BI serta meningkatkan penguasaan BI dalam kalangan murid.
-------------------	---

Pelaksanaan	<p>Pelbagai aktiviti BI dijalankan di peringkat sekolah, PPD dan JPN. Pertandingan peringkat kebangsaan turut diadakan. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ <i>Action song</i>; ◆ <i>Storytelling</i>; ◆ <i>Public speaking</i>; ◆ <i>Drama</i>; ◆ <i>Debate</i>; ◆ <i>Choral speaking</i>; dan ◆ <i>Spelling</i>.
--------------------	---

Pencapaian	Penyertaan murid dalam aktiviti koakademik meningkatkan penguasaan BI dan menggalakkan penggunaan BI dalam kalangan murid.
-------------------	--

3. Aktiviti Pemupukan dan Pementapan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Keterangan	Penyertaan murid dalam aktiviti kebahasaan dapat membina keyakinan dan kefasihan murid dalam penggunaan BM dan BI serta meningkatkan penguasaan BM dan BI dalam kalangan murid.
Pelaksanaan	Pelbagai aktiviti bahasa dijalankan di peringkat sekolah, PPD dan JPN. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti: <ul style="list-style-type: none">◆ Kem bahasa;◆ Program NILAM;◆ Perkampungan Penulis Muda;◆ Perkampungan Bahasa dan Sastera;◆ Kursus/bengkel penulisan skrip;◆ Drama/esei;◆ Bengkel teknik bercerita;◆ Kawanku Buku;◆ Lawatan Ilmu;◆ Menonton teater/drama; dan◆ <i>English-in-Camp</i>.

4. Bulan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia)

Keterangan	Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) bertujuan untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia. <hr/> <p>Menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan.</p> <hr/> <p>Mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan.</p> <hr/> <p>Menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa.</p>
Pelaksanaan	Pelbagai aktiviti bahasa dijalankan sepanjang bulan bahasa bagi memupuk penggunaan BM sebagai bahasa kebangsaan.



STRATEGI 8

**MELAKSANAKAN
PENTAKSIRAN
DAN PELAPORAN
KEPERIHALAN
PENCAPAIAN MURID**

STRATEGI 8

MELAKSANAKAN PENTAKSIRAN DAN PELAPORAN KEPERIHALAN PENCAPAIAN MURID

Transformasi pentaksiran mata pelajaran BM dan BI menggunakan sistem pentaksiran yang bersifat holistik dan seimbang, iaitu menilai aspek kognitif, efektif dan psikomotor.

Transformasi pentaksiran mata pelajaran BM dan BI

Keterangan | Pentaksiran mata pelajaran BM dan BI menggunakan sistem pentaksiran yang bersifat holistik dan seimbang, iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Pelaksanaan | Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan secara berterusan dalam bentuk pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP BM dan BI.

Pentaksiran sumatif dilaksanakan pada akhir unit pembelajaran, penggal atau tahun.

Pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) bertujuan meningkatkan penguasaan kefasihan dan keyakinan untuk bertutur dalam BM dan BI dengan lebih baik.

Ujian psikometrik dilaksanakan untuk mengukur kebolehan semula jadi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid.

PENUTUP

PPPM 2013-2025 menterjemahkan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyediakan sistem pendidikan yang mampu membentuk individu yang dapat meningkatkan taraf hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya dan menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga menetapkan bahawa setiap murid yang melalui sistem pendidikan di Malaysia perlu mempunyai kecekapan berbahasa dalam BM dan BI.

Penguasaan BM dan BI sebagai bahasa ilmu akan membangunkan murid yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Murid akan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan TMK dengan baik, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai yang tinggi serta berpotensi menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Justeru, pelbagai program dan aktiviti memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuh bahasa Inggeris dapat membantu mewujudkan 1Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat, progresif, dinamik, mampu bersaing di peringkat antarabangsa ke arah merealisasikan hasrat menjadi negara maju.

Dalam memastikan kejayaan Dasar MBMMBI, penggabungan idea dan tenaga semua pihak amat diperlukan bagi membantu KPM memartabatkan BM dan memperkukuh BI. Sebarang cabaran yang dilalui hendaklah dijadikan sebagai ikhtibar dan batu loncatan bagi menambah baik pelaksanaan Dasar MBMMBI. Harapan KPM adalah untuk ibu bapa, guru-guru, pemimpin tempatan, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta berganding bahu dan berusaha gigih bersama-sama menjayakan pelaksanaan Dasar MBMMBI.





LAMPIRAN



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8,
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

SPI:KP(BPSH – SPDK) 201/005/01 Jld. 4 (15)
4 November 2011

Semua Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pelajaran Negeri.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 12 TAHUN 2011
PELAKSANAAN DASAR MEMARTABKAN BAHASA MALAYSIA
MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

2. Jemaah Menteri juga dalam mesyuarat yang sama telah memutuskan bahawa dasar MBMMBI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Dalam proses peralihan ini, sekolah boleh menggunakan Bahasa Inggeris dan/atau bahasa pengantar masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Ini bertujuan membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan.

3. Surat Pekeliling Bil.12/2011 ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pada prinsipnya, surat pekeliiling ini masih mengekalkan keputusan dasar yang dibuat oleh Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009, iaitu mengekalkan kedaulatan bahasa kebangsaan. Keputusan ini membolehkan murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam BI pada atau sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan BI sehingga tamat Tingkatan Lima berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

4. Perincian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik di bawah Dasar MBMMBI adalah seperti yang berikut:

4.1 SEKOLAH KEBANGSAAN (SK)

4.1.1 Tahun 2012

- i. Tahun Satu dan Tahun Dua menggunakan BM sepenuhnya;
- ii. Tahun Tiga hingga Tahun Enam menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.1.2 Tahun 2013

- i. Tahun Satu hingga Tahun Tiga menggunakan BM sepenuhnya;
- ii. Tahun Empat hingga Tahun Enam menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.1.3 Tahun 2014

- i. Tahun Satu hingga Tahun Empat menggunakan BM sepenuhnya;
- ii. Tahun Lima dan Tahun Enam menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.1.4 Tahun 2015

- i. Tahun Satu hingga Tahun Lima menggunakan BM sepenuhnya;
- ii. Tahun Enam menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuh atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.1.5 Tahun 2016 dan seterusnya

- i. Tahun Satu hingga Tahun Enam menggunakan BM sepenuhnya.

4.2 SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)

4.2.1 Tahun 2012

- i. Tahun Satu dan Tahun Dua menggunakan BC sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Tiga hingga Tahun Enam menggunakan BC sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BC dan BI.

4.2.2 Tahun 2013

- i. Tahun Satu hingga Tahun Tiga menggunakan BC sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Empat hingga Tahun Enam menggunakan BC sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BC dan BI.

4.2.3 Tahun 2014

- i. Tahun Satu hingga Tahun Empat menggunakan BC sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Lima dan Tahun Enam menggunakan BC sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BC dan BI.

4.2.4 Tahun 2015

- i. Tahun Satu hingga Tahun Lima menggunakan BC sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Enam menggunakan BC sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BC dan BI.

4.2.5 Tahun 2016 dan seterusnya

- i. Tahun Satu hingga Tahun Enam menggunakan BC sepenuhnya.

4.3 SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)

4.3.1 Tahun 2012

- i. Tahun Satu dan Tahun Dua menggunakan BT sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Tiga hingga Tahun Enam menggunakan BT sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BT dan BI.

4.3.2 Tahun 2013

- i. Tahun Satu hingga Tahun Tiga menggunakan BT sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Empat hingga Tahun Enam menggunakan BT sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BT dan BI.

4.3.3 Tahun 2014

- i. Tahun Satu hingga Tahun Empat menggunakan BT sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Lima dan Tahun Enam menggunakan BT sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BT dan BI.

4.3.4 Tahun 2015

- i. Tahun Satu hingga Tahun Lima menggunakan BT sepenuhnya; dan
- ii. Tahun Enam menggunakan BT sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BT dan BI.

4.3.5 Tahun 2016 dan seterusnya

- i. Tahun Satu hingga Tahun Enam menggunakan BT sepenuhnya.

4.4 SEKOLAH MENENGAH

4.4.1 Tahun 2012

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.



4.4.2 Tahun 2013

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.3 Tahun 2014

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.4 Tahun 2015

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.5 Tahun 2016

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.6 Tahun 2017

- i. Tingkatan Satu menggunakan BM sepenuhnya; dan
- ii. Tingkatan Dua hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.7 Tahun 2018

- i. Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua menggunakan BM sepenuhnya; dan
- ii. Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.8 Tahun 2019

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga menggunakan BM sepenuhnya; dan
- ii. Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.9 Tahun 2020

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat menggunakan BM sepenuhnya; dan
- ii. Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

4.4.10 Tahun 2021 dan seterusnya

- i. Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima menggunakan BM sepenuhnya.

5. Jadual Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik di bawah Dasar MBMMBI adalah seperti Lampiran 1.
6. Pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik bagi Tingkatan Enam Rendah, Tingkatan Enam Atas dan Matrikulasi diteruskan dalam bahasa Inggeris.
7. Penyediaan soalan peperiksaan awam bagi mata pelajaran sains dan matematik adalah seperti yang berikut:

Jenis Peperiksaan	Penggunaan Bahasa
Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	<p>SK menggunakan BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI sehingga tahun 2015.</p> <p>SJKC menggunakan BC sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BC dan BI sehingga tahun 2015.</p> <p>SJKT menggunakan BT sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BT dan BI sehingga tahun 2015.</p> <p>Pada tahun 2016, BM digunakan sepenuhnya di SK, BC sepenuhnya di SJKC dan BT sepenuhnya di SJKT.</p>
Penilaian Menengah Rendah (PMR) (Pentaksiran Berasaskan Sekolah mulai tahun 2014)	<p>BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya dan dalam dwibahasa BM dan BI sehingga tahun 2018.</p> <p>Pada tahun 2019, BM digunakan sepenuhnya.</p>
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	<p>BM sepenuhnya atau BI sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI sehingga tahun 2020.</p> <p>Pada tahun 2021 dan seterusnya, BM digunakan sepenuhnya.</p>



8. Dengan ini dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2010 bertarikh 25 Januari 2010 berkaitan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dibatalkan.

9. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua, Guru Besar dan guru-guru di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
 8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia





- PdP Sains dan Matematik dalam BM (Bagi SJKC menggunakan bahasa Cina, bagi SJKT menggunakan bahasa Tamil)
- PdP Sains dan Matematik dilaksanakan dalam BI
- PdP Sains dan Matematik dilaksanakan dalam dwibahasa

Thn : Tahun Tg : Tingkatan

(SPI Bil.12 Tahun 2011 bertarikh 4 November 2011)



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E8
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146

KP (BPPDP)/601/117 (16)
14 November 2011

Semua Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pelajaran Negeri.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2011:
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR MEMARTABKANKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah membuat pengumuman berkaitan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam Perjumpaan Menteri Pelajaran bersama-sama Pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia diikuti dengan taklimat lanjut oleh YBhg. Dato' Sri KPPM pada 4 November 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Kementerian Pelajaran telah menyediakan garis panduan seperti di **Lampiran A** bagi membantu pihak sekolah untuk membuat keputusan tentang pemilihan bahasa dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains dan matematik. **Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI Bil. 12/2011.**

4. Sehubungan dengan itu, sila maklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

“ 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN “

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan melancarkan urusan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Dasar dan Pembangunan Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.:
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia



GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

TAHUN 2012



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR MBMMBI

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 12/2011 Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bertarikh 4 November 2011 yang menjelaskan pelaksanaan Dasar MBMMBI. Di bawah dasar MBMMBI, pengajaran sains dan matematik dilaksanakan dalam bahasa Malaysia di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah, bahasa Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi melicinkan pelaksanaan dasar tersebut dalam tempoh peralihan ini, garis panduan berikut disediakan bagi membantu pihak sekolah untuk membuat keputusan tentang pemilihan bahasa dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains dan matematik. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI Bil. 12/2011.

1. Pihak sekolah boleh meneruskan p&p bagi sains dan matematik berdasarkan situasi semasa yang sedang dijalankan di peringkat sekolah masing-masing, iaitu:
 - 1.1 kelas yang menggunakan bahasa Malaysia dalam p&p sains dan matematik hendaklah terus menggunakan bahasa tersebut; atau
 - 1.2 kelas yang menggunakan bahasa Inggeris dalam p&p sains dan matematik juga boleh terus menggunakan bahasa tersebut; atau
 - 1.3 bagi kelas yang menggunakan dwibahasa, penggunaan bahasa Malaysia amat digalakkan. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Inggeris dibenarkan bagi menerangkan istilah dan konsep;
 - 1.4 murid dibenarkan untuk meneruskan p&p sains dan matematik dalam bahasa yang diikuti sebelum ini.

2. Pemilihan penggunaan bahasa Inggeris dalam p&p sains dan matematik tertakluk kepada kesediaan guru dan murid di peringkat sekolah.
 - 2.1 Kesediaan guru bermaksud kompetensi guru yang sedia ada di sekolah untuk mengajar dalam bahasa Inggeris.
 - 2.2 Jawatankuasa Kurikulum Sekolah mempertimbangkan kesediaan murid untuk mengikuti p&p dalam bahasa Inggeris.
3. Pihak sekolah dibenarkan untuk menentukan bilangan kelas yang akan melaksanakan p&p sains dan matematik dalam bahasa Inggeris/bahasa Malaysia berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah.
4. Sekolah diminta menggunakan glosari yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha untuk menerangkan istilah dan konsep sains dan matematik dalam pengajaran:
 - 4.1 Sekolah akan dibekalkan dengan buku glosari bagi membantu p&p sains dan matematik;
 - 4.2 Sekolah juga boleh memuat turun glosari daripada laman web Kementerian Pelajaran.
5. Pengetua sekolah yang menerima murid baru Tingkatan 1 hendaklah mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam p&p sains dan matematik semasa murid tersebut berada di Tahun 6.
6. Bagi tujuan pendaftaran/penempatan murid ke Tingkatan 1, dasar dan prosedur penempatan yang sedia ada dikekalkan. Urusan pendaftaran murid Tingkatan 1 perlu dilaksanakan pada awal bulan Disember – sila rujuk lampiran.
7. Sekiranya terdapat permohonan pertukaran sekolah berdasarkan pilihan bahasa dalam p&p sains dan matematik, prosedur pertukaran sekolah hendaklah dipatuhi.



- 7.1 Pihak sekolah hendaklah sebaik mungkin mengekalkan murid yang telah mendaftar di sekolah masing-masing.
 - 7.2 Sekolah perlu seboleh mungkin memenuhi keperluan murid untuk meneruskan p&p sains dan matematik dalam bahasa yang telah mereka ikuti.
 - 7.3 Sekiranya perkara 7.1 dan 7.2 tidak dapat dipenuhi maka, permohonan pertukaran sekolah murid berdasarkan pilihan bahasa boleh dilaksanakan.
 - 7.4 Bagi tujuan perpindahan murid seperti perkara 7.3, hendaklah disegerakan dan diberi pertimbangan khas oleh pihak PPD dan sekolah.
8. Sekiranya timbul sebarang isu atau keraguan di peringkat pelaksana dalam tempoh peralihan pelaksanaan Dasar MBMMBI, hal tersebut perlu dirujuk kepada pengurusan atasan.
 9. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Dasar MBMMBI dalam tempoh peralihan ini, satu pasukan petugas khas hendaklah ditubuhkan di peringkat KPM, JPN dan PPD.
 - 9.1 Peranan pasukan petugas khas ini adalah untuk:
 - 9.1.1 menjadi sumber rujukan pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.2 memantau pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.3 menyediakan laporan pelaksanaan MBMMBI;
 - 9.1.4 menyelaraskan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit; dan
 - 9.1.5 mengumpul data pelaksanaan MBMMBI.
 - 9.2 Setiap pasukan petugas khas hendaklah mengadakan mesyuarat mingguan seperti yang berikut:
 - 9.2.1 KPM – setiap hari Rabu dan dipengerusikan oleh KPPM;
 - 9.2.2 JPN – setiap hari Selasa dan dipengerusikan oleh Pengarah JPN; dan

9.2.3 PPD – setiap hari Isnin dan dipengerusikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah.

9.3 Keurussetiaan dan urusan pendokumentasian bagi pasukan petugas khas adalah seperti yang berikut:

9.3.1 KPM – diurussetiakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian;

9.3.2 JPN – diurussetiakan oleh Sektor Pengurusan Sekolah; dan

9.3.3 PPD – diurussetiakan oleh Sektor Pengurusan Sekolah.

JADUAL KERJA PELAKSANAAN DASAR MBMMBI TAHUN 2012

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	11 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI kepada JPN.
2.	15 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI oleh JPN kepada PPD.
3.	18 November 2011	Taklimat Pelaksanaan Dasar MBMMBI oleh PPD kepada sekolah.
4.	3 Disember 2011	Pendaftaran murid Tingkatan 1.
5.	3 & 4 Januari 2012	Sesi persekolahan 2012 bermula.



SENARAI SINGKATAN

BBK	Bulan Bahasa Kebangsaan
BBT	Bahagian Buku Teks
BI	Bahasa Inggeris
BKK	Bahagian Kesenian dan Kokurikulum
BM	Bahasa Malaysia
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BC	Bahasa Cina
BT	Bahasa Tamil
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
CEFR	<i>Common European Framework of Reference for Languages</i>
CFS	<i>Contract for Service</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
ELT	<i>English Language Teaching</i>
ELTC	<i>English Language Teaching Centre</i>
ETA	<i>English Teaching Assistant</i>
FasiLINUS	Fasilitator Program LINUS
FAQ	<i>Frequently Asked Questions</i>
IAB	Institut Aminuddin Baki
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KDP	Kursus Dalam Perkhidmatan
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPM	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LBM	Literasi Bahasa Malaysia
LBI	Literasi Bahasa Inggeris
LINUS	Program Literasi dan Numerasi

LRT	<i>Light Rail Transit</i>
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
OPS-English	<i>Oral Proficiency in English for Secondary Schools</i>
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKBI	Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris
PKBM	Pusat Kecemerlangan Bahasa Melayu
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SJJC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TVC	<i>Television Commercial</i>
ULBS	Ujian Lisan Berasaskan Sekolah
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
W.P.	Wilayah Persekutuan




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03 8884 6000

<http://www.moe.gov.my>

ISBN 978-983952234-1



9 789839 52234 1